

Headline	<b>PAVCKM prihatin kehijauan bumi</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>19 Aug 2009</b>	Page No	<b>S13</b>
MediaTitle	<b>Sinar Harian</b>	Article Size	<b>179 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Selangor &amp; KL</b>		
Journalist	<b>N/A</b>		
Frequency	<b>Daily</b>	Color	<b>Full Color</b>
ADValue	<b>985</b>	PRValue	<b>2,954</b>



## PAVCKM prihatin kehijauan bumi

KEPONG - Seramai 110 kakitangan dan pengurus syarikat Panasonic AVC Networks Kuala Lumpur Malaysia Sdn Bhd (PAVCKM) terlibat dalam penganjuran aktiviti 'menghijaukan bumi', dengan simbolik menanam sebanyak 50 pokok di Taman Botanikal Kepong, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini.

Pengarah Urusan PAVCKM, H Uemura berkata, sejak Oktober 2007 lagi Panasonic terlibat

dalam usaha pemuliharaan alam sekitar.

"Tahun lalu, syarikat ini telah mengumumkan Deklarasi Idea Eko (Eco Ideas Declaration) mengikut tiga konsep iaitu 'Eco Ideas for Products', 'Eco Ideas for Manufacturing' dan 'Eco Ideas for Everybody, Everywhere'.

"Bagi memelihara alam sumber semula jadi, kita menekankan penggunaannya secara efisien khususnya bagi penggunaan elektrik, air, kertas dan lain-

lain. Terlebih dahulu kita memupuk fokus perhatian kepada kakitangan Panasonic dan seterusnya orang ramai," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program 'Going Green at FRIM' di sini.

Difahamkan, selain aktiviti menanam pokok, turut diadakan aktiviti meredah hutan yang memberikan peluang kepada kakitangan Panasonic mengenali lebih dekat flora dan fauna yang terdapat di FRIM.



● Wakil PAVCKM (kiri) menghadiahkan sebuah TV LCD buatan kilang Panasonic kepada pihak FRIM.